

Orang-orang Kristian sering kali bertanya demikian: “Adakah orang-orang Muslim benar-benar mengenal Tuhan? Adakah Allah sama dengan Tuhan yang kita sembah?” Pelbagai jawapan telah diberikan bagi soalan-soalan tersebut. Ramai yang menegaskan bahawa Allah adalah tuhan yang palsu, dan sangat berbeza daripada Tuhan dan Bapa kepada Yesus Kristus. ¹ Yang lain pula tidak begitu setuju.

Sememangnya asal-usul Islam adalah lebih rumit daripada yang sering disangka.

Islam mempunyai sekurang-kurangnya tujuh asal-usul yang berbeza dan saling berkaitan:

(1) Kepercayaan rohani Arab yang benar dan palsu yang telah muncul selama ribuan tahun: Banyak di antara kepercayaan-kepercayaan ini datangnya dari nenek moyang orang-orang Arab. Ini termasuklah Joktan yang hidup sebelum Abraham (Lihat Kej. 10:26-29), serta Ismail dan enam orang anak lelaki Abraham selain Ishak (Kej.25:1-5). Terdapat golongan orang-orang Arab yang digelar “hanif” yang mengikuti adat menyembah satu tuhan ini lebih daripada orang-orang Arab yang lain.

(2) Pelbagai pengaruh Yahudi: Ramai orang Yahudi tinggal di Arab pada zaman Muhammad. Jelas kelihatan di dalam Quran, tulisan-tulisan Yahudi dan juga kehidupan Muhammad bahawa kepercayaan, amalan, sikap dan tingkah-laku Yahudi mempengaruhi Muhammad secara positif dan juga negatif.

(3) Pelbagai pengaruh Kristian: Terdapat juga orang Kristian yang tinggal di Makkah dan Madina pada zaman Muhammad. Kelihatan terdapat ramai di antara mereka yang tidak berapa murni ataupun ortodoks dalam kepercayaan dan/ataupun amalan mereka. Mungkin terdapat juga beberapa orang-orang Kristian yang benar di sana pada masa itu. Seorang Kristian yang bersaudara dengan isteri Muhammad, Katijah, bahkan

mendorong Muhammad sebagai seorang nabi. (lihat artikel ini di mukasurat 8)

(4) Pengaruh dari roh-roh dan kepercayaan kafir

(5) Pengaruh dari kepercayaan Zoroaster Parsi

(6) Pilihan-pilihan moral dan budaya yang telah dibuat oleh orang-orang Arab yang merupakan penganut-penganut awal Islam selepas Muhammad meninggal dunia.

Tambahan pula, Islam seperti mana dikenali pada zaman ini juga telah dibentuk melalui 1,400 tahun sejarah dan pelbagai suku kaum dan budaya di pelbagai benua.

“Berdasarkan asal-usul ini, kita dapat mengatakan bahawa orang-orang Islam (1) mengetahui banyak tentang Tuhan yang benar, (2) terdapat banyak yang mereka tidak memahami tentang Tuhan, dan (3) terdapat banyak kesilapan dan tanggapan yang salah dalam fikiran mereka mengenai Tuhan yang benar.”²

Seorang penulis Kristian telah menghuraikan idea-idea dan pengalaman Muslim akan Tuhan dengan cara demikian:

“Ia seolah-olah seorang melihat sebuah bangunan yang jauh dalam cahaya malap pada waktu subuh. Dia dapat melihat bangunan itu, dapat menentukan bahawa ia merupakan sebuah bangunan, tetapi tidak dapat mengecam sama ada bangunan itu adalah tempat kediaman ataupun kilang. Dia pasti bahawa bangunan itu hanya satu tingkat dan diperbuat daripada bata. Tetapi apabila dia mendekati bangunan itu, dan melihatnya dalam terang waktu siang, dia sedar bahawa ia diperbuat daripada batu, dan

bukan bata, dan terdiri dari tiga tingkat, bukan hanya satu. Dia dapat tahu ciri-ciri sebenar bangunan itu. Apabila seorang Muslim melihat Tuhan melalui cahaya pendedahan Quran dan daya fikiran sendiri yang kurang sempurna itu, dia hanya melihat kuasa dan kehendak Tuhan, tetapi tidak melihat kasih Tuhan. Dia melihat perpaduan/kesatuan Tuhan, tetapi tidak dapat melihat bahawa Tuhan itu Tritunggal di dalam kesatuanNya. Pengetahuan benar demikian tentang Tuhan hanya mungkin dicapai apabila

seseorang melihat Tuhan di dalam AnakNya Yesus Kristus.”³

Petikan 1,2 dan 3 diambil dari: Respons seorang Kristian terhadap Islam oleh William M. Miller, Presbyterian and Reformed Publishing Co. 1976 (cetakan semula STL 1986, mukasurat 75-76)

Sila perhatikan bahawa perkataan Allah digunakan untuk menyebut Tuhan di dalam Alkitab bahasa Arab. Sebilangan kecil orang Kristian yang berbahasa Arab juga menggunakan perkataan “Al Ilaah” untuk Tuhan dari Alkitab.

Petang pertama bulan Ramadhan

Di dalam kitab Kejadian kita dapat membaca bahawa,

“Jadilah petang dan jadilah pagi, itulah hari pertama.” Bulan Ramadhan juga bermula dengan cara yang serupa.

Di seluruh dunia, orang-orang Islam akan melihat ke langit pada petang ini. Mereka ingin tahu bila mereka dapat melihat anak bulan. Sekiranya ia kelihatan, ini merupakan lambang bagi permulaan bulan

Ramadhan. (Di kebanyakan negara, pihak-pihak berkuasa agama akan mengisytiharkan permulaan bulan Ramadhan). Puasa akan bermula pada keesokan hari. Orang-orang Islam akan bangun awal pagi untuk bersarapan pagi sebelum hari bermula. Selepas itu, mereka tidak akan makan atau minum sehinggalah senja. Ini akan merupakan amalan mereka setiap hari untuk 29-30 hari yang berikut.

Perkara penting: Bulan tidak pernah menjadi suatu bahan penyembahan di dalam agama Islam. Tiada orang Islam di dalam 1,400 tahun yang lalu ini yang pernah menggalakkan sesiapa pun menyembah bulan. Sebenarnya bulan tidak menjadi symbol Islam sehinggalah kebangkitan Empayar Ottoman lebih kurang 700-800 tahun selepas Muhammad. Di dalam agama Islam bulan hanya digunakan untuk menentukan tarikh-tarikh dalam kalendar Islam. Lihatlah halaman kami: <http://www.30-days.net>

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim